



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 9 MAC 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3.	SEKTOR PERTANIAN MAMPU JADI SUMBER UTAMA HASIL NEGERI, SINAR NEGERI PAHANG, SH -22 KONGSI REZEKI 300KG IKAN KEMBUNG, SINAR NEGERI KEDAH, SH -26 DURIAN OPERATOR HOPES 'DURIAN PROGRAMME' WILL CONTINUES, KL/SELANGOR, NANYANG SIANG PAU -B5	LAIN-LAIN

**UKKMOA**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

9/3/2020

SINAR  
HARIANSINAR NEGERI  
PAHANG

22

## Sektor pertanian mampu jadi sumber utama hasil negeri



Andansura berkesempatan menanam pokok kelapa di Lembah Bedong Agrofarm Kochau, Padang Terku Lipsis.



Andansura bersama ahli Lujnah Asas Tani dan Alam Sekitar Pas Pahang meninjau aktiviti pertanian secara bersepadu yang diusahakan di Lembah Bedong Agrofarm Kochau, Padang Terku Lipsis.

**KUANTAN** - Pas Pahang menyambut baik usaha kerajaan negeri menarik pelaburan luar bagi meningkatkan dan memperkasakan sektor pertanian di negeri itu.

Timbalan Pesuruhjaya Pas Pahang, Andansura Rabu berkata, usaha kerajaan negeri khususnya Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail itu dilihat amat tepat kerana pertanian adalah sektor terbaik untuk menyumbang kepada pendapatan negeri selain sumber lain sedia ada.

Menurutnya, sudah tiba masanya kerajaan negeri melihat pertanian dan industri asas tani sebagai sumber utama hasil negeri bagi menggantikan sumber sedia ada yang bergantung kepada hasil tanah, perlombongan, hutan dan sebagainya.

"Kita semua ketahui sumber daripada perlombongan dan hutan ini akan kehabisan justeru sektor pertanian dilihat sektor terbaik untuk menyumbang kepada pendapatan negeri.

"Ia juga boleh memberi jaminan kepada bekalan makanan kekal untuk rakyat. Tahniah kepada kerajaan negeri dan Menteri Besar atas usaha dalam meningkatkan sektor pertanian di Pahang ini," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kejayaan kerajaan negeri yang bakal menarik pelaburan bernilai RM1.213 bilion dari Thailand dengan termetainya perjanjian dan memorandum persefahaman (MoU) dengan pelabur negara itu keimarin.

Andansura berkata, Pas Pahang melalui Lujnah Asas Tani dan Alam Sekitar turut melihat peluang untuk memanfaatkan tanah dan alam sekitar bagi memajukan sektor pertanian sebagai sumber ekonomi di kawasan yang tidak ada sumber ekonomi lain seperti industri dan sebagainya.

# Kongsi rezeki 300kg ikan kembung



Hasbullah dan rakannya berkongsi ikan bersama orang ramai di Dataran Jam Besar Sungai Petani kelmarin.

Hasbullah bersama rakan beli ikan dan sumbangkan kepada orang ramai secara percuma

Oleh SITI ZUBAIDAH  
ZAKARAYA

## SUNGAI PETANI

**L**ambakan ikan kembung mencetuskan idea buat seorang lelaki bersama beberapa rakan sekerja di sini untuk menyumbangkan sebanyak 300 kilogram ikan itu secara percuma kepada orang ramai di Dataran Jam Besar Sungai Petani di sini petang kelmarin.

Hasbullah Kamal, 31, berkata, matlamat utama mereka adalah untuk berkongsi rezeki sepertimana pesanan ketua mereka yang sentiasa memberi sokongan dan galakan membantu insan lain dengan bersedekah.

Menurutnya, selain itu, ia juga bertujuan membantu peraih menghabiskan jualan ikan yang terlalu banyak melalui kerja amal yang dilakukan secara berkumpulan.

"Kami lakukan secara ikhlas di mana kami beli ikan di Kota Kuala Muda melalui peraih dan bawa balik ke Sungai Petani untuk diagihkan secara rawak.

"Dana yang diperolehi kami kongsi bersama rakan sekerja kerana dalam masa seminggu kebelakangan ini berlaku lambakan ikan yang sangat banyak sehinggakan harga murah.

"Kami beli dengan peraih

pada harga rendah tetapi peraih masih boleh untung. Maknanya kita bantu dua iaitu peraih dapat jual ikan dan orang ramai pun dapat ikan percuma," katanya ketika ditemui di sini kelmarin.

Hasbullah berkata, pada mulanya idea berkenaan disuarakan ketua mereka sebelum rakan sekerja yang lain teruja untuk melaksanakannya.

"Mula-mula 'leader' kami yang beri idea. Dia mohon kami bersedia untuk buat kerja amal, bila ikan ada terus buat.

"Sebenarnya 'leader' kami memang seorang yang berfikiran macam ini. Dia nak didik kami berkongsi rezeki," katanya.

Katanya, kalau selalu berkongsi insya-ALLAH urusan kita akan dipermudahkan sebab yang memberi rezeki ialah ALLAH SWT dan dia juga berpesan jangan takut untuk berkongsi rezeki.



Headline	Durian operator hopes `durian programme` will continues		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	09 Mar 2020	Color	Full Color
Section	KL/Selangor	Circulation	27,667
Page No	B5	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	707 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,893
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,679



# 业者盼前朝计划照跑 榴梿攻略不可停



(劳勿8日讯) 劳勿猫山王榴梿业者希望新政府继续推行前朝“榴梿攻略”计划，放眼全球市场，把劳勿列为国际游客必到的地标。

虽然承受当前经济低迷及疫情影响，劳勿榴梿园主不气馁，有者继续开工将果园打造为观光点，希望一旦情势复苏，就能把国际游客吸引到劳勿。

## 掀追棒猫山王热潮

前希盟政府的农业部曾与旅游部策划“榴梿攻略”，并点名彭亨劳勿、檳城和柔佛新山等国内榴梿主要产地，打造“榴梿旅游景点”。

劳勿业者希望，即使换了政府，也不要停止相关计划。

自从冷冻榴梿被允许出口至中国，“猫山王”的名



业者希望新政府不放弃推行“榴梿攻略”。

誉被打响，在两年多前，追棒猫山王的热潮，从国内席卷国外；许多外国尤其中国饕客，专程乘搭飞机到来品

尝鲜果肉猫山王。这期间，不少中国游客到马观光时，也指定要品尝猫山王。



● 劳勿旅游公会主席拿督练有富

虽然旅游业无法在疫情结束后立即反弹，但至少大家做好了准备，放眼更大的格局。

来临的五六月，将会是榴梿出产的季节，业者们也预计，这一季将会是盛产的季节。

## 招徕外国游客

业者鼓励外国游客到来本地吃榴梿，希望果王除了出口，也是招徕外国游客的卖点。

榴梿旅游基本上已经成形，只是需要得到更多园主的响应。

● 榴梿旅游业者张智聪

## 需民间政府给力

其实这两三年，都有固定的外国饕客，会在榴梿季节到来果园消费。

不仅是中国，也包括了新加

坡、印尼等地。

今年是我国旅游年，除了民间力量，也极需来自政府的给力。

